

PKPD: MUIP salur bantuan di 13 lokaliti sekitar Pekan

[Mohd Rafi Mamat](#) - April 15, 2021 @ 10:26am

bhnews@bh.com.my



MUIP mengagihkan bantuan kepada penduduk di lokaliti dikenakan PKPD di Pekan. - Foto ihsan MUIP

PEKAN: Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) memberi bantuan kepada 2,500 ketua isi rumah (KIR) di 13 lokaliti yang sedang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di daerah ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Baitulmal dan Operasi) MUIP, Dr Asmadi Abdul Rahman, berkata bantuan bernilai RM125,000 itu berupa barangan keperluan asas yang diagihkan secara berperingkat selama tiga hari bermula kelmarin.

Beliau berkata, sumbangan terbabit meliputi beras, minyak masak, tepung, gula, kicap, sos, susu, kopi, biskut dan bihun, bertujuan meringankan beban penduduk di kawasan berkenaan.

"Ada kira-kira 12,000 penduduk di 13 lokaliti terbabit yang tidak dibenarkan keluar dari kawasan penempatan mereka kecuali atas perkara tertentu, susulan pelaksanaan PKPD bagi mengekang penularan COVID-19.

"Penyelaras bantuan itu ialah Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) daerah Pekan yang turut dianggotai lapan agensi berkaitan," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, kawasan terbabit meliputi Taman Peramu Permai, Perumahan Universiti Malaysia Pahang, Kwarters Guru Pejabat Pendidikan Daerah Pekan, Kwarters Guru Maktab Rendah Sains MARA dan Kwarters Guru Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Tun Abdul Razak.

Selain itu, Perumahan Komuniti 1Malaysia, Perumahan Taman Perdana, Taman Sepekan Makmur, Taman Mentiga Jaya, Perumahan Peramu Jaya, Taman Mentiga Jaya dan Kampung Pulau Serai.

Penduduk, Musa Mohd Rezali, 64, berkata bantuan diberi MUIP dapat meringankan beban beliau sekeluarga.

"Ini semua ujian Yang Maha Esa bagi menguji kesabaran saya dan penduduk setempat," katanya.